

**ENAKMEN MAJLIS
PERBANDARAN
PORT DICKSON 2003**

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi penukaran gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit daripada pemberian taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Port Dickson.

[]

DIKANUNKAN oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar, Tampin, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri seperti berikut:

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Perbandaran Port Dickson 2003. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
(2) Enakmen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Februari 2002.
2. Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan digelar "Majlis Daerah Port Dickson" hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, digelar "Majlis Perbandaran Port Dickson" atau "Port Dickson Municipal Concil". Perubahan gelaran. Akta 171.

4 NEGERI SEMBILAN NO. TAHUN 2003

Kecualian.

3. (1) Permulaan kuat kuasa Enakmen ini tidaklah menyentuh hak, kewajipan, kuasa atau keistimewaan Yang Dipertua Majlis Daerah Port Dickson atau mana-mana orang lain yang dilantik dengan sah dan yang memegang jawatan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini yang hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau orang yang memegang jawatan-jawatan yang lain masing-masingnya, mempunyai dan menjalankan segala hak, kewajipan, kuasa atau keistimewaan yang dahulunya berkaitan dengan mana-mana jawatan itu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang terpakai bagi Majlis Daerah Port Dickson atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya seolah-olah Enakmen ini tidak diperbuat.

(2) Tiada apa-apa dalam Enakmen ini boleh menyentuh kesahan atau kesan apa-apa tindakan, prosiding, pemindahhakan, pemindahan hakmilik, surat ikatan, urusan, dokumen, bon, perjanjian, perkiraan kerja atau apa-apa perbuatan lain yang diambil, dibuat atau dilakukan secara *bona fide* sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini oleh atau terhadap atau atas nama atau bagi pihak Majlis Daerah Port Dickson.

Sebutan dalam undang-undang bertulis.

4. Dengan perubahan taraf Majlis Daerah Port Dickson kepada Majlis Perbandaran Port Dickson, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, segala sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis—

- (a) mengenai Majlis Daerah Port Dickson hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Majlis Perbandaran Port Dickson atau Port Dickson Municipal Council;
- (b) mengenai Ahli-Ahli Majlis Daerah Port Dickson (sebagai suatu perbadanan) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson;

- (c) mengenai Ahli-Ahli Majlis atau Ahli-Ahli Majlis Daerah Port Dickson hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson;
- (d) mengenai Yang Dipertua Majlis Daerah Port Dickson atau Setiausaha Majlis Daerah Port Dickson hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson atau Setiausaha Majlis Perbandaran Port Dickson; dan
- (e) mengenai Daerah atau mengenai Ahli-Ahli Majlis Daerah atau mengenai Yang Dipertua bagi Ahli-Ahli Majlis (berkenaan dengan suatu Daerah) hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Majlis Perbandaran Port Dickson, Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson atau Yang Dipertua Majlis bagi Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perubahan gelaran dan perkara-perkara lain yang berbangkit daripada pemberian taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Port Dickson.

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan. Enakmen yang dicadangkan diberi tarikh kuat kuasa ke belakang, ke tarikh taraf Perbandaran diberikan kepada Majlis Daerah Port Dickson.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengubah gelaran Majlis Daerah Port Dickson kepada Majlis Perbandaran Port Dickson.
4. *Fasal 3* mengandungi peruntukan kecualian. *Subfasal (1)* bertujuan untuk memelihara hak, kewajipan, kuasa dan keistimewaan Yang Dipertua Majlis Daerah Port Dickson dan pegawai-pegawai lain. *Subfasal (2)* memperuntukkan bahawa kesahan dan kesan apa-apa tindakan, prosiding, pemindahhakan, pemindahan hakmilik, surat ikatan, urusan, perjanjian, dsb. yang dibuat oleh Majlis Daerah Port Dickson tidaklah terjejas oleh sebab perubahan tarafnya kepada Perbandaran.

6 NEGERI SEMBILAN No. TAHUN 2003

5. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa apabila mula berkuat kuasanya Enakmen yang dicadangkan, segala sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Majlis Daerah Port Dickson hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Majlis Perbandaran Port Dickson, sebutan mengenai Ahli-Ahli Majlis Daerah Port Dickson hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson dan sebutan mengenai Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Daerah Port Dickson hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Perbandaran Port Dickson.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Bertarikh 10 Julai 2003.
[PU/NS(AM) 13/92 Jld. 3.]

ENGKU NOR FAIZAH BINTI ENGKU ATEK
*Penasihat Undang-Undang Negeri,
Negeri Sembilan*

PORT DICKSON MUNICIPAL COUNCIL
BILL 2003

ARRANGEMENT OF CLAUSES

Clause

1. Short title and commencement
2. Change of title
3. Saving
4. References in written law

A BILL

intituled

An Enactment to make provision for changes in title and other matters consequential to the conferment of the status of a Municipality on the Port Dickson District Council.

[]

ENACTED by His Highness and the Ruling Chiefs of Negeri Sembilan with the advice and consent of the Legislative Assembly as follows:

1. (1) This Enactment may be cited as the Port Dickson Municipal Council Enactment 2003. Short title
commence

(2) This Enactment shall be deemed to have come into operation on 2 February 2002.

2. The corporation established under the Local Government Act 1976 and styled "Port Dickson District Council" shall, on the date of the coming into operation of this Enactment, be styled "Majlis Perbandaran Port Dickson" or the "Port Dickson Municipal Council". Change
title.
Act 17

10 NEGERI SEMBILAN No. OF 2003

Saving.

3. (1) The coming into operation of this Enactment shall not affect the rights, duties, powers or privileges of the President of the Port Dickson District Council or any other person lawfully appointed and holding office, immediately before the date of the coming into operation of this Enactment who shall, on the date of the coming into operation of this Enactment, as President of the Port Dickson Municipal Council or as persons holding other offices respectively, have and exercise all the rights, duties, powers or privileges formerly appertaining to any such office under the Local Government Act 1976 or any by-laws made thereunder as applied to the Port Dickson District Council or under any other written law and any subsidiary legislation made thereunder as if this Enactment had not been enacted.

(2) Nothing in this Enactment shall effect the validity or effect of any action, proceedings, conveyance, transfer, deed, transaction, document, bond, agreement, working arrangement or any act of any kind *bona fide* taken, entered into or done before the coming into operation of this Enactment by or against or in the name of on behalf of the Port Dickson District Council.

References in written law.

4. On the change of the status of the Port Dickson District Council to a Municipal Council, unless the context otherwise requires, all references in every written law—

- (a) to the Port Dickson District Council shall be construed as references to the Majlis Perbandaran Port Dickson or the Port Dickson Municipal Council;
- (b) to the Councillors of the Port Dickson District Council (as a corporation) shall be construed as references to the Councillors of the Port Dickson Municipal Council;
- (c) to the Councillors or to the Councillors of the Port Dickson District Council shall be construed as references to the Councillors of the Port Dickson Municipal Council;

- (d) to the President of the Port Dickson District Council or to the Secretary of the Port Dickson District Council shall be construed as references to the President of the Port Dickson Municipal Council or the Secretary of the Port Dickson Municipal Council respectively; and
- (e) to a District or to the District Councillors or to the President of the Councillors (in relation to a District) shall be construed as references to the Port Dickson Municipal Council, the Councillors of the Port Dickson Municipal Council or to the President of the Councillors of the Port Dickson Municipal Council respectively.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to provide for the change in title and other matters consequential to the conferment of the status of a Municipality on the Port Dickson District Council.

2. *Clause 1* deals with the short title and the commencement date of the proposed Enactment. The proposed Enactment is given retrospective operation to the date the status of Municipality was conferred on the Port Dickson District Council.
3. *Clause 2* seeks to change the style of the Port Dickson District Council to the Port Dickson Municipal Council.
4. *Clause 3* contains savings provisions. *Subclause (1)* seeks to preserve the rights, duties, powers and privileges of the President of the Port Dickson District Council and other officers. *Subclause (2)* provides that the validity and effect of any action, proceedings, conveyance, transfer, deed, transaction, agreement, etc. made by the Port Dickson District Council shall not be affected by the change of its status to a Municipality.
5. *Clause 4* provides that upon the coming into operation of the proposed Enactment, all references to the Port Dickson District Council in any written law shall be construed as references to the Port Dickson Municipal Council, references to the Councillors of the Port Dickson District Council shall be construed as references

12 NEGERI SEMBILAN No. OF 2003

to the Councillors of the Port Dickson Municipal Council and references to the President and Secretary of the Port Dickson District Council shall be construed as references to the President and Secretary of the Port Dickson Municipal Council respectively.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will involve the Government in extra financial expenditure the amount of which cannot at present be ascertained.

Dated 10 July 2003.
[PU/NS(AM) 13/92 Jld. 3.]

ENGKU NOR FAIZAH BINTI ENGKU ATEK
*State Legal Adviser,
Negeri Sembilan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA